

Dekati komuniti menerusi IT4U@ Besut

Inisiatif
UniSZA
kongsi
kepakaran
kepada
masyarakat



Mohd Mahdi bersama warga UniSZA yang sentiasa bersedia berkongsi kepakaran dengan komuniti setempat.

MOHD TAHA YAACOB

BESUT - Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) konsisten melaksanakan program pemindahan ilmu dan kepakaran kepada masyarakat setempat selaras dengan hasrat menjadikan institusi pengajian itu universiti komuniti.

Terbaru UniSZA Kampus Besut di Tembila di sini mengadakan program Information Teknologi For You (IT4U@Besut) membabitkan pelajar sekolah menengah daripada keluarga kurang berkemampuan dan komuniti setempat.

Naib Canselor UniSZA, Profesor Datuk Dr Ahmad Zubaidi A.Latif berkata, program ini dianjurkan oleh Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) dengan kerjasama UniSZA Digital Hub dan Pejabat Naib Canselor.



Program IT4U@Besut menggalakkan pelajar sekolah berkongsi idea sesama mereka Pengaturan Robotik

Info

15 pelajar terpilih
sebagai anak
angkat FIK

Menurutnya, ini adalah program kali kedua dijalankan FIK yang dikhususkan untuk masyarakat setempat sebagai sumbangan universiti terhadap komuniti.

"Kali ini seramai 15 pelajar dari tiga sekolah yang terdekat dengan kampus ini telah terpilih sebagai pelajar angkat FIK.

"Mereka masing-masing lima orang dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tembila, SMK Permaisuri Nur Zahirah dan Sekolah Menengah Agama (SMA) Maarif," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian IT4U@Besut yang disempurnakan Adun Kota Putera, Mohd Mahsi Musa yang diadakan di Dewan Auditorium FIK, di sini.

Hadir sama Pengarah UniSZA Kampus Besut, Prof Madya Dr Khamsah Suryati Mohd dan Dekan FIK, Prof Madya Dr Syadiah Nor Wan Shamsuddin.

Dalam majlis sama Mohd Mahdi turut memberi sumbangan wang tunai kepada semua pelajar angkat FIK itu sebagai suntikan semangat



Mohd Mahdi dan Ahmad bersama pelajar sekolah menengah yang menjadi anak angkat FIK.

dan dorongan untuk mereka mengikuti program yang dianjurkan UniSZA dengan jayanya.

Ahmad Zubaidi berkata, IT4U@Besut merupakan inisiatif UniSZA untuk menjadi satu platform di lapangan komuniti setempat supaya universiti itu dirasai kehadirannya, disedari kewujudannya dan didengari suaranya.

Peluang ikuti kursus teknologi maklumat secara sambilan di UniSZA

Sementara itu, menurut Syadiah Nor, pelajar sekolah terbabit akan mengikuti kursus berasaskan teknologi maklumat dan komputer seperti Pengaturan Robotik untuk tempoh tertentu secara sambilan di kampus itu.

Katanya, mereka dipilih dari kalangan keluarga kurang berkemampuan bagi memberi peluang kepada mereka mendalami bidang tersebut secara percuma.

"Kami turut mengadakan Kursus Adobe Photoshop kepada beliau.

"Kami turut membina lawan web khususnya kepada dua kampung iaitu Kampung Tembila dan Beting Lintas serta sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Besut Rescue Team dan Masjid Nasiruddin



Pensyarah dan mahasiswa FIK mendedahkan pelajar angkat FIK kepada bidang robotik.



Seorang pelajar SMA Maarif sedang cuba memasang komponen robotik dalam kursus yang diadakan di UniSZA Kampus Besut.

Shah, Kampung Raja," katanya.

Katanya, program ini mendapat sumbangan daripada Syarikat Ledakan Digital Services dan Celcom Axiata Berhad.

Menurutnya, antara objektif program ialah menyebarkan ilmu dan kemahiran berkaitan teknologi maklumat (ICT) yang sedang berkembang pesat kepada masyarakat.